

13/04/2001

PNB sentiasa buat pelaburan berhemat

Veena Rusli

KUMPULAN Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan lebih berhati-hati dalam memilih saham bagi membuat pelaburan berikutan unjuran kesuraman ekonomi Amerika Syarikat yang turut memberi kesan terhadap keadaan di negara ini.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata pihaknya sentiasa mengamalkan pendekatan berhemat dalam menentukan syarikat yang wajar dipilih, dengan keutamaan diberi kepada yang mampu menghadapi keadaan seperti sekarang.

Sambil mengakui PNB turut terjejas seiring kesuraman ekonomi, beliau berkata, keadaan itu bagaimanapun dapat diimbangi oleh dasar pelaburan berpilih yang tetap mendatangkan keuntungan dalam jangka panjang.

Hamad Kama Piah berkata, kriteria utama yang diperlukan ialah kecekapan pengurusan bagi memastikan penurunan dari segi keuntungan adalah bersifat sementara.

"Kalau kita melihat rekod ketika negara dilanda kegawatan, ada syarikat yang naik keuntungannya dan tidak kurang juga yang menurun.

"Menyedari keadaan globalisasi yang meruncing, PNB mengambil sikap lebih berhati-hati dalam memilih saham mana yang nak dilabur.

"Dalam membuat pelaburan, PNB ingin memastikan sebarang penurunan perolehan yang melanda syarikat terbabit bukan untuk tempoh yang lama kerana akhirnya, kita mahu mencapai matlamat yang diharapkan iaitu keuntungan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di Kota Bharu, semalam.

Minggu Saham Amanah Malaysia tahun ini akan berlangsung pada 20 hingga 24 April di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hamad Kama Piah berkata, PNB masih mampu memberi pulangan dalam bentuk dividen yang memuaskan walaupun ketika negara dibebani kegawatan ekonomi, khususnya pada 1997 dan 1998.

Beliau turut mengumumkan bahawa unit saham amanah yang sudah dijual oleh PNB sehingga ini berjumlah RM36 bilion manakala dividen yang dibayar kepada pelabur adalah melebihi RM33 bilion.

"Daripada jumlah unit yang dijual itu, sebanyak RM4 bilion dibeli oleh pelabur bukan Bumiputera menerusi Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) yang mana semua tiga bilion unit sudah habis dijual," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Hamad Kama Piah berkata jumlah pelaburan dari Kelantan kini bernilai RM1.7 bilion dan mengikut perangkaan Februari lalu, negeri itu berada di tempat keempat menerusi tambahan pelaburan sebanyak RM7 juta.

Katanya, Kelantan juga adalah negeri kedua terbanyak dari segi peningkatan pelaburan tahun lalu selepas Sabah, sekali gus membuktikan kemampuan pelabur menyimpan walaupun negara baru keluar daripada kegawatan ekonomi.

Beliau turut melakukan acara pelepasan dan menyerahkan pakaian seragam kepada skuad beca di perkarangan Hotel Perdana di Kota Bharu bagi tujuan publisiti menjelang Minggu Amanah Saham Malaysia 2001.

(END)